



SOALAN-SOALAN LAZIM BERKENAN PERJANJIAN PENSIJILAN HALAL (HALAL CERTIFICATION AGREEMENT - HCA)

Soalan 1: Apakah Perjanjian Pensijilan Halal atau Halal Certification Agreement (HCA)?

Jawapan: Perjanjian Pensijilan Halal atau *Halal Certification Agreement* (HCA) adalah perjanjian di antara pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Soalan 2: Adakah dokumen HCA hanya dalam versi Bahasa Inggeris?

Jawapan: Ya, setakat ini dokumen HCA hanya dalam versi Bahasa Inggeris sahaja. Versi Bahasa Melayu akan dikemaskini dalam masa terdekat.

Soalan 3: Apakah keperluan-keperluan umum bagi mengisi dan menandatangani dokumen HCA ?

Jawapan: Anda perlu merujuk kepada Pekeliling dan Panduan Pengisian Perjanjian Pensijilan Halal yang boleh dimuat turun [di sini](#).

Soalan 4: Adakah HCA ini diwajibkan kepada pemegang SPHM yang diuruskan oleh pihak JAIN/MAIN?

Jawapan: HCA ini hanya tertakluk kepada pemegang SPHM yang diuruskan oleh pihak JAKIM sahaja.

Soalan 5: Jika syarikat mempunyai banyak anak syarikat, siapakah yang perlu menandatangani HCA?

Jawapan: Bagi maklumat ini, sila rujuk [di sini](#).

Soalan 6: Untuk syarikat yang mempunyai banyak skim pensijilan, adakah HCA perlu ditandatangani bagi setiap skim?

Jawapan: Anda hanya perlu menandatangani satu HCA sahaja.

Soalan 7: Jika syarikat merupakan pemohon baharu (pertama kali memohon) untuk mendapatkan SPHM, adakah pemohon perlu menandatangani HCA?

Jawapan: Ya, anda perlu menghantar HCA yang telah dilengkapkan bersama-sama dokumen sokongan permohonan di kaunter BPH aras 6.

Soalan 8: Bagaimanakah caranya untuk saya mendapatkan dokumen HCA?

Jawapan: Anda boleh memuat turun dokumen HCA melalui akaun pemegang/ pemohon SPHM dalam sistem MyeHALAL.

Soalan 9: Dimanakah saya boleh mendapatkan Setem Hasil?

Jawapan: Setem Hasil boleh diperolehi di mana-mana kaunter Pejabat Pos Malaysia.

Soalan 10: Adakah saya perlu menulis alamat dan maklumat syarikat pada Nota Kiriman Domestik Pos Laju yang disertakan bersama dokumen HCA dan *Pos Laju Prepaid Envelope (L) Orange*?

Jawapan: Anda perlu melampirkan Nota Kiriman Domestik Pos Laju yang kosong kepada BPH.

Soalan 11: Bagaimanakah cara untuk saya menuntut salinan dokumen HCA yang telah dimatikan setem?

Jawapan: Dokumen Perjanjian Pensijilan Halal akan dimatikan setem dan diposkan kepada syarikat dalam tempoh 21 hari bekerja. Anda boleh membuat semakan dengan BPH sama ada dokumen tersebut telah diposkan kepada syarikat.

Soalan 12: Apakah situasi yang akan menyebabkan Perjanjian Pensijilan Halal ini terbatal?

Jawapan: Perjanjian ini akan terbatal apabila:

- a) Syarikat bukan lagi pemegang SPHM yang sah;
- b) Semua SPHM yang dimiliki oleh syarikat telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui; atau
- c) Syarikat memilih untuk menarik diri daripada menjadi pemegang SPHM.

Soalan 13: Berapa lamakah tempoh diberikan kepada pihak syarikat selepas penguatkuasaan pelaksanaan Perjanjian Pensijilan Halal?

Jawapan: Pihak syarikat diberi tempoh 6 bulan dari tarikh pekeliling Pelaksanaan Perjanjian Pensijilan Halal/ *Halal Certification Agreement* (HCA) dikuatkuasakan untuk melengkapkan dan menghantar dokumen perjanjian kepada BPH. Selepas tempoh itu, BPH akan mengeluarkan peringatan melalui laporan ketidakakuran yang dikemukakan sewaktu pemeriksaan lapangan dijalankan.